61. Apakah tindakan yang dilakukan oleh Bank Pusat apabila berlakunya kemelesetan?

	Kadar Rizab berkanun	Syarat sewa beli	Kadar Faedah
A	Diturunkan	Diketatkan	Dinaikkan
B	Diturunkan	Dilonggarkan	Diturunkan
C	Dinaikkan	Dilonggarkan	Dinaikkan
D	Dinaikkan	Diketatkan	Diturunkan

62. Pengangguran struktur berlaku disebabkan oleh pekerja

A Diberhentikan semasa kemelesetan ekonomi
B Hilang pekerjaan kerana sikap memilih kerjaya
C Lepaskan jawatan untuk dapatkan pekerjaan baharu
D Miliki kemahiran yang tidak bersesuaian

63. Penyataan yang manakah berkaitan dengan cukai langsung?

A Perusahaan Batik Kak Mel dikenakan cukai jualan dan perkhidmatan
B Puan Hidayah membayar cukai kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia
C Koperasi Jana Utama membayar cukai atas keuntungan yang diperoleh
D Encik Akil membayar cukai kepada agensi pekerja asing

64. Contoh yang manakah merupakan perbelanjaan pembangunan kerajaan?

A Belanja menyiapkan klinik kesihatan di Manong, Kuala Kangsar
B Agihan subsidi alat tangkapan ikan kepada nelayan di Pantai Remis
C Membayar kos penyelenggaraan makmal komputer di SMK Selinsing
D Serahan kepada kerajaan Perak untuk baik pulih jalan raya yang rosak di Taiping

65. Maklumat di bawah menunjukkan tindakan bank pusat untuk mengawal ketidakstabilan ekonomi.

• Stok barang banyak • Kadar pengangguran tinggi	→	Tindakan bank pusat	→	Ekonomi stabil

Pasangan yang manakah **betul** tentang pelaksanaan tindakan bank pusat tersebut?

	Dasar kewangan	Tindakan
A	Menguncup	Kurangkan nisbah rizab berkanun
B	Mengembang	Jual surat jaminan kerajaan
C	Menguncup	Longgarkan syarat sewa beli
D	Mengembang	Turunkan kadar faedah atas pinjaman

LIVEWORKSHEETS

66. Pernyataan manakah yang betul tentang pengangguran berstruktur?

A Penganggur lebih suka membuat kerja tidak formal

B Pekerja kurang mendapat maklumat tentang pekerjaan

C Kekurangan kemahiran menyebabkan orang ramai berhenti kerja

D Firma menutup operasi kilang kerana firma mengecilkan operasi

67. Jadual 6 menunjukkan anggaran hasil kerajaan persekutuan bagi tempoh satu tahun.

Sumber Hasil	**RM (juta)**
Cukai pendapatan individu	40 000
Duti eksport	6 500
Cukai pendapatan koperasi	265
Duti eksais	4 550
Lesen/Permit	2 018
Duti Import	1 330

Jadual 6

Berapakah jumlah anggaran hasil kerajaan daripada hasil cukai tak langsung pada tahun tersebut?

A RM 7 832 juta

B RM 12 380 juta

C RM 14 398 juta

D RM 25 337 juta

68. Pernyataan berikut berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan.

Menyediakan prasarana untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia

Perbelanjaan pembangunan sektor manakah yang berkaitan dengan maklumat di atas ?

A Sektor Keselamatan

B Sektor Pentadbiran Am

C Sektor Perkhidmatan Sosial

D Sektor Perkhidmatan Ekonomi

LIVEWORKSHEETS

69. Situasi berikut berkaitan dengan satu keadaan ekonomi.

> "Pada tahun 2020 sehingga Julai 2021, sebanyak 5,095 majikan memberhentikan seramai 141,191 pekerja di Semenanjung Malaysia".
>
> *Sumber: Malaysiakini.com, 23 September 2022*

Antara yang berikut, tindakan bank pusat yang manakah dapat mengatasi keadaan tersebut?

I Menurunkan kadar cukai

II Meningkatkan kadar faedah

III Membeli surat jaminan kerajaan

IV Menurunkan jumlah deposit pinjaman

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

70. Jadual 7 menunjukkan Indeks Harga Pengguna di Malaysia pada tahun 2021.

Bulan	Indeks Harga Pengguna
Julai	1.9
Ogos	2.0
September	2.2
Oktober	2.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022

Jadual 7

Apakah kesan tersebut terhadap ekonomi negara?

A Pendapatan boleh guna berkurang

B Kadar faedah menurun

C Harga eksport murah

D Tabungan jatuh

71. Apakah cara untuk mengawal inflasi?

A Dasar kewangan mengembang

B Gaji kakitangan kerajaan meningkat

C Membina jambatan Pulau Pinang ketiga

D Kadar cukai pendapatan individu dinaikkan

LIVEWORKSHEETS

72. Apakah kesan pengangguran terhadap ekonomi negara?
A Berlaku kemiskinan
B Taraf hidup menurun
C Kehilangan kemahiran
D Wujud masalah keluarga

73. Pasangan yang manakah betul?

	Perbelanjaan Mengurus	Perbelanjaan Pembangunan
A	Pengembangan ruang pejabat	Membina bangunan sekolah
B	Pembinaan infrastruktur ICT	Penyelenggaran jalan raya
C	Serahan kepada Kerajaan negeri	Membeli peralatan pertahanan
D	Pemberian diskaun penggunaan elektrik	Pembaikan bangunan Balai Bomba

74. Pasangan yang manakah betul?

	Dasar	Keterangan
A	Dasar kewangan mengembang	Meningkatkan kadar cukai
B	Dasar kewangan mengembang	Membeli surat jaminan Kerajaan
C	Dasar kewangan menguncup	Menurunkan nisbah rizab berkanun
D	Dasar kewangan menguncup	Melonggarkan syarat sewa beli

75. Apakah kesan apabila kadar faedah dinaikkan?

A Kos pinjaman berkurangan

B Jumlah pinjaman akan berkurang

C Pendapatan negara akan bertambah

D Bekalan wang dalam pasaran bertambah

76. Apakah tujuan kerajaan menggunakan dasar fiskal mengembang dalam ekonomi?

A Menambah permintaan wang

B Menambah peluang pekerjaan

C Mengurangkan masalah inflasi

D Mengurangkan permintaan agregat

77. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang perbelanjaan mengurus?

I Puan Siti Hajar menerima pencen bulanan sebanyak RM2500

II Kerajaan membesarkan pelabuhan perikanan di Tok Bali Kelantan

III Kementerian Pendidikan membina sebuah sekolah menengah di Taiping, Perak

IV Encik Ali bekerja sebagai kerani dan menerima gaji setiap bulan sebanyak RM3 500

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

78. Bank pusat bercadang untuk menjual surat jaminan kerajaan yang bernilai RM5 bilion pada tahun ini. Tindakan bank pusat ini akan menyebabkan

A guna tenaga meningkat

B pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat

C aliran wang dalam pasaran negara akan berkurang

D tingkat harga umum meningkat disebabkan peningkatan kuasa beli pengguna

LIVEWORKSHEETS

79. Jadual 2 menunjukkan sebahagian daripada hasil cukai kerajaan bagi tempoh satu tahun.

Jenis Cukai	Jumlah (RM juta)
Cukai pendapatan syarikat	33 325
Cukai petroleum	24511
Duti eksais	10369
Cukai jualan	7580
Duti eksport	2977

Jadual 2

Berapakah jumlah hasil cukai tak langsung kerajaan pada tahun tersebut?

A RM13 346
B RM20 926
C RM57 836
D RM65 416

80. Gambar 1 berkaitan dengan suatu situasi ekonomi yang dihadapi dalam negara.

Gambar 1

Apakah dasar fiskal yang akan digunakan oleh kerajaan bagi mengurangkan masalah tersebut?

I Menaikkan kadar cukai

II Menurunan kadar cukai

III Menambahkan perbelanjaan kerajaan

IV Mengurangan perbelanjaan kerajaan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

LIVEWORKSHEETS

81. Antara yang berikut, pernyataan yang manakah **betul** tentang hasil kerajaan?

I Contoh cukai tak langsung ialah bayaran lesen dan permit

II Sumber hasil kerajaan terdiri daripada hasil cukai dan hasil bukan cukai

III Cukai merupakan bayaran wajib dalam bentuk wang yang dikenakan kerajaan

IV Cukai langsung merupakan cukai yang beban cukainya boleh dipindahkan kepada pihak lain

A I dan II

B II dan III

C I dan IV

D III dan IV

82. Bagaimanakah kerajaan menggunakan dasar kewangan untuk mengatasi masalah kemelesatan ekonomi?

I Menurunkan kadar cukai

II Menurunkan kadar faedah

III Membeli surat jaminan kerajaan

IV Menurunkan perbelanjaan kerajaan

A I dan II

B II dan III

C I dan IV

D III dan IV

83. Dengan menggunakan dasar fiskal, kerajaan mengurangkan perbelanjaan untuk

A menambahkan penawaran wang
B menurunkan kadar bunga
C menambahkan cukai
D menurunkan inflasi

84. Tujuan kerajaan mengamalkan cukai progresif adalah untuk

A merapatkan jurang pendapatan masyarakat
B mengurangkan kesan luaran negatif
C mewujudkan pertumbuhan ekonomi
D menstabilkan ekonomi negara

LIVEWORKSHEETS

85. Maklumat berikut menunjukkan tindakan bank pusat melalui dasar kewangan mengawal satu keadaan ketidakstabilan ekonomi

Keperluan rizab berkanun dinaikkan tiga kali ganda sebagai langkah awal mengurus peningkatan masalah tunai berlebihan yang membawa kepada peningkatan harga barangan

Apakah tindakan lain yang boleh dilakukan oleh bank pusat untuk mengawal keadaan tersebut?

A Kadar faedah pinjaman direndahkan
B Tempoh bayaran balik dipanjangkan
C Nisbah rizab tunai diturunkan
D Surat jaminan kerajaan dijual

86. Maklumat di bawah berkaitan dengan sejenis belanjawan negara.

Hasil kerajaan	**RM40 bilion**
Perbelanjaan Kerajaan	**RM48 bilion**

Pernyataan yang manakah yang betul berkaitan dengan belanjawan tersebut.

I mengurangkan pendapatan individu
II menambahkan perbelanjaan kerajaan
III mempercepatkan pertumbuhan ekonomi
IV mengurangkan penggunaan guna tenaga

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

87. Antara berikut, yang manakah cukai tak langsung?

A Cukai pintu
B Cukai perjudian berlesen
C Cukai pendapatan koperasi
D Cukai keuntungan hartanah

LIVEWORKSHEETS